



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
18 Jun 2019 (SELASA)**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MBPJ DIARAH HENTI BERI PENGUAT KUASA TUGASAN LUAR
MUKA SURAT	61

KES TERIMA SUAPAN DI PUSAT BELI-BELAH

# MBPJ diarah henti beri penguat kuasa tugasan luar

• Tiada kompromi salah laku rasuah

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diarah tidak lagi memberi tugas luar kepada penguat kuasa yang didakwa terbabit menerima suapan di sebuah pusat beli-belah di Kelana Jaya pada hujung bulan lalu.

Tanpa menyatakan jumlah penguat kuasa terbabit, Pengurusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han, berkata anggota berkenaan juga ketika ini sedang menjalani siasatan dalaman.

## Beri kerjasama

Menerusi kenyataan semalam, beliau berkata, kerajaan negeri juga mengalu-

alukan pembabitan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat kes berkenaan.

"MBPJ diarah memberi kerjasama penuh kepada SPRM. Kerajaan negeri tidak berkompromi terhadap kelewatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran



MBPJ diarah memberi kerjasama penuh kepada SPRM"

**Ng Sze Han,**  
Pengurusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor


negeri ini.

"Penerima dan pemberi suapan adalah salah sama sekali. Malaysia baharu tiada tempat bagi rasuah dan kerajaan negeri komited membantahan rasuah sekeras-kerasnya demi melahirkan pentadbiran yang telus, bersih dan amanah," katanya.

## Dakwa beri suapan

Terdahulu, Setiausaha DAP Selangor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Ronnie Liu hadir ke Pejabat SPRM Selangor bersama seorang peniaga yang mendakwa terpaksa memberi wang suapan kepada penguat kuasa MBPJ.

Ronnie berkata, kegiatan rasuah seperti itu sudah lama wujud, namun tiada bukti kukuh sering membantutkan tindakan terhadap penerima dan pemberi rasuah.



Rakaman gambar video penguat kuasa MBPJ didakwa terbabit menerima suapan di sebuah pusat beli-belah, di Kelana Jaya, hujung bulan lalu.



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	RM100 UNTUK PEMBERI MAKLUMAT
MUKA SURAT	62

AKTIVITI SAMPAH HARAM DI KUALA LANGAT

# RM100 untuk pemberi maklumat

**Banting:** Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menawarkan ganjaran wang tunai RM100 kepada orang ramai yang menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pembuangan sampah secara haram di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid, berkata pemberi maklumat akan diberikan ganjaran apabila pelaku yang dikenakan kompaun menjelaskan bayaran itu.

Beliau berkata, ganjaran hanya akan diberikan jika aktiviti membuang sampah secara haram itu dilakukan menggunakan kendaraan berat iaitu lori dengan mu-

tan satu tan ke atas.

Katanya, pemberi maklumat perlu mengisi borang yang disediakan di Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MDKL serta bersetuju menjadi saksi di mahkamah jika kes berkenaan dibawa ke peringkat perbicaraan.

## Ambil gambar

“Sebagai pembuktian, pemberi maklumat perlu mengambil gambar, lokasi, nombor pendaftaran kenderaan, tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan.

“Maklumat yang disampaikan kepada MDKL ini menjadi asas aduan yang pertama di terima (first-come basis) dengan

mengambil kira maklumat yang lengkap, tepat dan sahih.

“Pemberian ganjaran kepada pemberi maklumat ini terbuka kepada warganegara Malaysia,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pembuangan sampah haram di sekitar daerah itu bukan sahaja memberi kesan negatif kepada kawasan pelancongan malah aduan kakau ganggu dan peningkatan risiko jangkitan penyakit bawaan vektor seperti leptospirosis, typhoid dan taun yang dibawa lipas, lalat dan tikus.

Katanya, mentaliti serta sikap yang tidak bertanggungjawab itu amat mendukacitakan ba-

nyak pihak dalam usaha memastikan penduduk menikmati kehidupan yang bersih serta terhindar daripada pencemaran alam sekitar.

“MDKL juga sentiasa dan akan meneruskan tenaga dan usaha bagi menangkap serta mendakwa mereka yang didapati membuang sampah haram.

“Tindakan maksimum tanpa kompromi ini diharap dapat membebaskan daerah ini daripada masalah pembuangan sampah haram.

“Justeru, diharapkan dengan tawaran ganjaran kepada pemberi maklumat dapat mengekang aktiviti pembuangan sampah haram,” katanya.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	'KAPAR NEEDS MODERN CREMATORIUM'
MUKA SURAT	4

4 News

# 'Kapar needs modern crematorium'

Social activist says traditional funeral pyre unsuitable for urban areas due to health risks

By EDWARD RAJENDRA  
edward@thestar.com.my

**MOURNERS'** chants are loud, while clouds of smoke rise high into the skies as the coffin is engulfed in flames atop a pile of wood for hours. A gust of wind whips up ashes from the insatiable fire into the air.

It is a traditional Hindu funeral pyre at the open-air Jalan Keretapi Lama Crematorium in Mile 10 of Kampung Perepat, Kapar, which has served the people for 86 years. It is also a burial site.

Social activist PS Rajoo said the traditional Hindu crematorium was no longer suitable for the urban area.

The makeshift zinc-roof crematorium is not conducive in this present times because of concern over risks to the people's health besides the open burning of wood.

"In addition, mourners do not have a shaded area to shelter from the heat and rain during the final rites," he highlighted.

"Hindus in Kapar are given the option to bury or cremate their loved ones."

"Selangor government should provide a modern crematorium for the sake of a better environment."

"Emissions, noise and smell of smoke will be curbed," he added.

In 2015, it was reported that Selangor Barisan Nasional Indian Affairs and Development unit had promised the Indian community that two cremators would be built on the land gazetted as Hindu burial ground.

Its officer K. Partiban had told the media that the land gazetted as Hindu burial ground would have two burners, landscaping and car park.

He had said the allocation was



Kapar burial ground is overgrown with grass and plants covering the tombstones. (Right) Rubber wood logs are used for the open-air funeral pyre at the Kapar cemetery. — Photos: S.S. KANESAN/The Star



from Selangor Implementation Coordination Unit (ICU) under the Prime Minister's Department.

Notice boards put up at the site to announce details of the project estimated to cost RM1.8mil, are now partially covered by creepers.

Rajoo said since the board was put up four years ago, nothing was done.

"Some Hindus in Kapar who want to cremate their next of kin in a proper crematorium, have to travel 19km to Simpang Lima in Klang."

"It is costly and burdens the grieving families," he said.

He suggested that the state government appoint a planner to design a contemporary crematorium complex that has space for

mourners, ample parking area and a large waiting room for the deceased's family, relatives and friends.

"It should also be landscaped well to create a serene ambience."


He said modern cremators were electric-powered and did not pollute the environment.

"Community leaders must be consulted for constructive input on a crematorium complex in Kapar," he said.

Kapar MP Datuk Abdullah Sami Abdul Hamid told *StarMetro* that the Hindu community had brought up the issue to him.

He agreed that such a modern facility was much needed in Kapar.

"I am working on the request," he assured.



Rajoo showing the project's notice boards now partially covered with creepers.



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	MBPJ OFFICERS TAKE OFF FIELD DUTIES
MUKA SURAT	14

14

NEWS / Nation

## INTERNAL PROBE

# MBPJ OFFICERS TAKEN OFF FIELD DUTIES

Officers alleged to have asked for bribes from Kelana Jaya mall business operators

DAWN CHAN  
SHAH ALAM  
news@nst.com.my

Sze Han said MBPJ had also been told to give its full cooperation to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in the course of investigations.

"The Selangor government will not compromise on graft, misappropriation and abuse of power in its administration."

"The demanding and receiving of bribes is wrong. People are advised to refrain from giving any bribe and report to the authorities if it happens."

SEVERAL Petaling Jaya City Council (MBPJ) enforcement officers who allegedly demanded bribes from business operators have been taken off field duties and are subject to an internal probe.

Selangor Local Government, Public Transport and New Villages Committee chairman Ng



Selangor DAP secretary Ronnie Liu (centre) meeting the press outside the Malaysian Anti-Corruption Commission office in Shah Alam yesterday. PIC BY ROSLIN MAT TAHIR

"There is no place for corruption in the New Malaysia and Selangor is committed to fighting corruption to create a transparent, clean and trustworthy administration."

Selangor DAP secretary Ronnie Liu was reported to have urged MACC to probe MBPJ enforcement officers who are believed to have demanded "coffee money" from business operators at a shopping mall in Kelana Jaya.

Liu, who is Sungai Pelek assemblyman, was quoted as saying that the enforcement officers had demanded between RM100 and RM300 from the business operators to avoid action being taken against them in an operation involving signboards and advertisements.

He claimed that the bribes were demanded a day before the op-

eration was conducted.

Liu had said, based on the information he had received, there were business operators who had given the bribe to avoid being slapped with compounds that would reach up to RM1,000.

He had said those who refused to give the bribe were compounded on the day of the operation, while those who paid up were spared.



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	EATERIES GAME TO DROP PLASTIC STRAWS
MUKA SURAT	15

GREEN SELANGOR INITIATIVE

# EATERIES GAME TO DROP PLASTIC STRAWS

Vendors laud change, however, they say success of campaign hinges on consumers

DAWN CHAN  
SHAH ALAM  
[news.nst.com.my](http://news.nst.com.my)

**S**ELANGOR'S move to implement the no plastic straw policy from July 1 onwards was lauded by many, however the onus is on consumers to ensure its success.

Kedai Nasi Kak Wok JJ TTDI owner Rosliza Junoh in welcoming the move, said she would do what she could to cut down the use of plastic straws.

"I will definitely adhere to the state government's directive. We will try our best to minimise the use of plastic straws. But at the end of the day, it boils down to what the customers want too."

"Sipping a hot drink may not require a plastic straw but for iced drinks, juices or floats, some may not be comfortable sipping it without a straw."

"Parents may also have a hassle trying to get children to drink without a straw as it could get very messy. So requests from customers for straws would determine if the initiative is a success or not."

Rail Canteen general manager Colin Yap hoped his customers would be understanding about the initiative once it took effect on July 1.

He described it as a step in the right direction to reduce plastic waste.

"Customers are free to bring their own straws, however, I doubt the majority will practise BYO (Bring Your Own). Once the ban is officially announced, I do not foresee much resistance from customers," he said.

Yap added that his eatery could do without straws for most drinks, but not for beverages such as Coke Float or "Kopi Gendol".

"Those drinks require the use of straws. There are alternatives currently in the market such as paper straws but they still come at a high cost compared with plastic ones. We cannot change the presentation of the drinks. My hope is that a more economical alternative can be made available to us soon."

"A suitable and cost effective alternative is needed as a long term solution to ensure that our



Restaurant operators hope customers will help them adhere to the Selangor government's directive.

operational cost does not increase too much," he said.


Madam Salma Restaurant chef and operations owner Rose Karmila Che Mohd-Ross said she would take proactive steps to begin creating awareness but added that customers must make the effort to adapt.

She said customers should be willing to change their habits by refusing the use of plastic straws.

"It is definitely for a greater good, as plastic straws are single use. It is hard to destroy and harms the environment.

"We will try to educate our customers and we will not freely offer plastic straws with our drinks."

She added that they were open to the idea of paper straws but such straws cost more, while providing metal straws may seem like a better option but people may question the hygienic aspect of it.



A waiter holds up drinks, which require the use of straws. Vendors hope the



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	'POLICY SEEN WORKING WELL IN KL'
MUKA SURAT	15

# 'Policy seen working well in KL'

**SHAH ALAM:** Selangor has been praised over its no plastic straw policy, as it would go towards preservation of the environment as well as reduce plastic waste.

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association honorary secretary Habebur Rahman Shahul Hameed said the new policy should be heeded by all stakeholders.

He was confident that the initiative would be successful as such a move in Kuala Lumpur was already gaining momentum.

Habebur said he observed that many restaurants in the federal

capital had kickstarted the initiative for sometime now and there were changes in the way customers had their drinks.

"I do not foresee any challenges as many customers are accepting the concept."

"Some are refusing to use the plastic straws offered to them and set it aside, preferring to drink their beverage straight from the glass or cup."

"I see there is a pattern of getting used to no plastic straws and they are adjusting to the change. They, too, realise that it is good for the environment. As for our

members, we are supportive and will ensure that this campaign will be successful."

"Even fast food restaurants have done this, so I do not see a problem with it," he told the *New Straits Times*.

He added that the use of plastic straws did not greatly impact the operational cost of the restaurants. Habebur added that a minor problem might occur when customers ordered drinks to go.

"Customers would want to have their beverages packed so that they can drink it on the go and we may need plastic straws for that."



## KERATAN AKHBAR 18 JUN 2019 (SELASA)



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	BURST PIPE CAUSES WATER CUT IN GOMBAK
MUKA SURAT	5

*THE SUN - 5*

## Burst pipe causes water cut in Gombak

**KUALA LUMPUR:** Thirty-three areas in Gombak experienced an unscheduled water supply disruption yesterday following a burst pipe in Taman Prima Sri Gombak.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd head of customer relations and communications Abdul Raof Ahmad said repair works were expected to be completed within 24 hours.

Water supply was temporarily turned off to enable emergency repair work to be carried out, he said.

"Water tankers will be mobilised and all efforts are being made to minimise the impact of the disruption to the affected consumers," he said in a statement.

The areas affected were Astana Gemilang, Batu 3 to Batu 5 Jalan Gombak, Batu Caves Centre Point, Bukit Lela; Desa Minang, Kampung Changkat, Kampung Kerdas, Kampung Kuantan, Kampung Lee Kong Chian, Kampung Melayu Sri Gombak and Kampung Sungai Mulia.

Also affected were Kampung Sri Gombak Indah, Kampung Tengah Gombak, Pinggiran Batu Caves, Prima Sri Gombak, Simpang 3, Taman Berlian, Taman Bolton, Taman Gemilang, Taman Gombak Jaya, Taman Gombak Setia, Taman Harmonis, Taman Ibu Kota, Taman Indah Gemilang, Taman Perwira Gombak, Taman Sahabat, Taman Setapak, Taman Setapak Permai, Taman Setia Gombak, Taman Sri Gombak, Taman Suria Setapak and Taman Teratai Mewah.

Abdul Raof said updates on the disruption will be available on Air Selangor's mobile app or at [www.syabas.com.my](http://www.syabas.com.my). – Bernama



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	MBPJ OFFICERS SUSPENDED OVER BRIBERY
MUKA SURAT	4

# MBPJ officers suspended over bribery

► City council directed to cooperate with MAAC in investigating allegations

■ BY ASHWIN KUMAR THE SUN  
newsdesk@thesundaily.com Page - 4

**SHAH ALAM:** Several Petaling Jaya City Council (MBPJ) enforcement officers have been suspended from field duties pending the outcome of investigations into allegations that they have demanded bribes from business operators.

Selangor Local Government, Public Transport and New Villages Committee chairman Ng Sze Han said MBPJ has also been directed to cooperate with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in investigations.

"The Selangor government will not compromise on matters involving bribery, misappropriation and abuse of power in its administration. The people are advised to refrain from giving bribes and report to the authorities if it happens," he said.

He was referring to a report that was lodged earlier in the day by Sungai Pelek assemblyman

Ronnie Liu alleging that traders in a major shopping mall in Petaling Jaya had been blackmailed into paying bribes over promotional banners.

According to Liu, on May 30 the traders were approached by several MBPJ enforcement officers and accused of displaying the banners without approval.

"The banners were for half-day or one-day sales promotions. For instance, you could buy two packets of nasi lemak for only RM3. How are traders to apply for permits for just one-day promotions?" he asked.

He said the enforcement officers would approach the traders and inform them that the council was planning to conduct a raid the following day.

"The traders were given an option to pay RM100 as a 'settlement' or getting hauled up and having to pay a RM1,000 penalty," Liu told reporters at MACC headquarters yesterday.

Liu, the former state exco member in Selangor, said the incident was caught on camera and a footage showing the personnel receiving the bribe has gone viral on social media.

He added that while traders require permits to display banners outside their premises, there are exceptions.



Liu at a press conference yesterday



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	INGKARI TITAH SULTAN SELANGOR?
MUKA SURAT	12



PAPAN tanda taman perumahan dan nama jalan (kanan) di Tanjung Sepat ini adalah antara begitu banyak yang masih menggunakan tulisan Cina di Kuala Langat, Selangor.

Penggunaan bahasa Cina masih berleluasa

UTUSAN  
M/S-12

# Ingkari titah Sultan Selangor?

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LANGAT 17 JUN

TITAH Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Idris Shah sebelum ini adalah jelas, iaitu papan tanda jalan di negeri ini perlu menggunakan bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan dan teguran tersebut juga sudah dibuat tahun lalu ke atas Majlis Bandaraya Shah Alam

(MBSA).

Namun, timbul persoalan apabila titah tersebut tidak terpakai ke atas Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) atau sebaliknya diingkari apabila melihat banyak papan tanda jalan di kawasan Tanjung Sepat masih lagi ditulis dalam bahasa Cina.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, hampir keseluruhan papan tanda jalan di dalam kawasan pekan Tanjung Sepat itu yang mempunyai lebih 10

lorong memaparkan tulisan Cina.

Bukan itu sahaja, jalan utama memasuki pekan Tanjung Sepat itu yang tertulis Jalan Barat juga mempunyai tulisan Cina.

Malah, selain papan tanda jalan dalam tulisan Cina, papan tanda ucapan selamat datang ke Tg. Sepat Indah yang terdapat di jalan utama ke pekan tersebut tidak terkecuali ditulis dalam tulisan Cina.

Sebelum ini, pada 19 No-

vember tahun lalu, apabila timbulnya kontroversi papan tanda jalan dalam bahasa Cina di Shah Alam, Sultan Sharafuddin menitahkan supaya semua papan itu digantikan dengan papan tanda jalan bahasa Melayu sahaja.

Titah itu disampaikan Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani, menerusi surat yang dialamatkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Datuk Bandar Shah Alam.



<b>AKHBAR</b>	HARIAN METRO
<b>TAJUK BERITA</b>	SOKONG USAHA SELANGOR KURANGKAN GUNA STRAW PLASTIK
<b>MUKA SURAT</b>	15

**Shah Alam:** Langkah kerajaan Selangor tidak membenarkan pemberian penyedut minuman plastik secara terbuka mulai bulan depan menerima maklum balas positif khususnya daripada pengusaha restoran dan premis makanan.

Pemilik restoran Nasi Kak Wok TTDI Jaya, Rosliza Junoh berkata, dia mengalu-alukan usaha kerajaan bagi mengurangkan penggunaan plastik dalam kalangan pengguna di negara ini.

“Saya akan patuh terhadap arahan itu, premis makanan tiada masalah untuk mengikutinya namun apa pun ia terpulang kepada pelanggan yang mahu menggunakan ‘straw’ pada minuman mereka.

“Minuman panas tidak memerlukan straw, tetapi bagi minuman sejuk pastikan akan sukar kepada mereka yang tidak biasa.

“Saya berharap langkah ini akan berjaya dan pelanggan diharap dapat membiasakan diri tidak menggunakan straw untuk meminum minuman,” katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, semalam.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian dalam satu kejayaan sebelum ini berkata, semua premis makanan di negeri ini dilarang menyediakan penyedut minuman plastik kepada pelanggan berkuat kuasa 1 Julai ini.

Loy Sian berkata, premis juga dilarang menyediakan penyedut plastik di kaunter untuk diambil secara bebas dan pelanggan hanya boleh memintanya sekiranya memerlukan.



BEBERAPA premis memberikan penyedut minuman atas permintaan pelanggan.

H. METRO

## Sokong usaha Selangor m/s- 15 kurangkan guna straw plastik



PENYEDUT minuman kertas kini banyak digunakan di restoran dan kedai makan di sekitar Shah Alam.

Sementara itu, Pengurus Besar Restoran Rail Canteen, Colin Yap berkata, pelanggannya diharap memahami maksud di sebalik langkah kerajaan meminimumkan penggunaan penyedut mi-

numan plastik di semua premis makanan.

“Mereka boleh bermula dengan membawa penyedut minuman sendiri dari rumah jika hendak minum di restoran.

“Tapi saya lihat, tidak banyak bantahan atau reaksi negatif daripada pelanggan apabila langkah kerajaan itu diumumkan dalam berita baru-baru ini,” katanya.

Dalam pada itu, Pemilik Restoran Madam Salma, Rose Karmila Che Mohd Rose berkata, langkah itu seharusnya diterima dengan hati terbuka jika semua rakyat sayangkan alam sekitar di negara ini.

Katanya, pelanggan seharusnya mengubah tabiat mereka untuk minum tanpa menggunakan penyedut minuman plastik.

“Umum tahu lambakan plastik sehingga menjepaskan alam sekitar serta hidupan di muka bumi ini,” katanya.



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	BURST PIPE CAUSES WATER CUT IN GOMBAK
MUKA SURAT	5

## Pegawai minta ‘duit kopi’ disiasat

**Shah Alam:** Anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang didakwa terbabit dengan kes meminta ‘duit kopi’ kepada peniaga di sebuah pusat beli-belah di Kelana Jaya pada hujung bulan lalu sudah diberhentikan tugasannya di luar serta sedang menjalani siasatan dalaman.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru negeri, Ng Sze Han berkata, pihaknya sudah mengarahkan MBPJ untuk memberi kerjasama kepada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Kerajaan Selangor tidak berkompromi terhadap sebarang kelakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran negeri ini.

“Penerima dan pemberi suapan adalah salah sama sekali, orang ramai dinasihati supaya menjauhi pemberian suapan serta diminta membuat laporan segera sekiranya terdapat kelakuan berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Sungai Pelek, Ronnie Liu membuat laporan di SPRM Selangor berhubung dakwaan penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang meminta rasuah kepada peniaga di pusat beli-belah berkenaan.

Ronnie mendakwa, penguat kuasa terbabit membuat tawaran kepada peniaga agar membayar wang berjumlah RM100 hingga RM300 bagi mengelakkan premis mereka dikenakan tindakan oleh PBT yang akan membuat satu operasi khas berkaitan papan tanda dan iklan. **H.Metro**  
m/s-24



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SIASAT PBT TERBABIT RASUAH
MUKA SURAT	24

hakan ladang serai secara man itu, terdapat beberapa berkenaan. Menjelaskan lanjut, beliau



LJU (tengah) bersama pemilik kedai mengadakan sidang media dan membuat laporan kepada SPRM berhubung kes rasuah dalam kalangan pegawai PBT.

H. Murni - m/s-24

## Siasat PBT terbabit rasuah

**Shah Alam:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta menyiasat dakwaan beberapa anggota penguat kuasa di salah satu pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini yang dikatakan terbabit dengan salah laku rasuah.

Setiausaha DAP Selangor, Ronnie Liu berkata, pihaknya menerima maklumat daripada beberapa peniaga di sebuah pusat beli-belah ter-

jumlah wang kepada penguat kuasa berkenaan bagi mengelakkan tindakan saman dikenakan terhadap mereka ketika operasi dijalankan.

"Mengikut maklumat yang saya terima, ada peniaga yang membayar antara RM100 hingga RM300 untuk mengelak tindakan kompaun yang boleh mencecah RM1,000.

"Peniaga yang enggan membayar dikenakan kom-

kenal di Kelana Jaya yang mendakwa penguat kuasa PBT itu datang ke premis masing-masing dan meminta 'duit kopit'.

"Difahamkan, mereka membuat tawaran kepada peniaga agar membayar wang berjumlah RM100 hingga RM300 bagi mengelakkan premis mereka dikenakan tindakan oleh PBT yang akan membuat satu operasi khas berkaitan papan

paun pada hari operasi manakala premis yang membayar tidak dikenakan sebarang tindakan," katanya.

Justeru, beliau berkata, SPM harus bertindak segera menyiasat perkara berkenaan bagi mengelakkan jenayah rasuah seperti itu terus merebak dalam organisasi seperti PBT.

"Saya yakin perkara seperti ini berlaku di banyak ka-

tanda dan iklan.

"Menurut peniaga, kejadian berkenaan berlaku pada 30 Mei lalu iaitu sehari sebelum operasi berkenaan dilakukan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pejabat SPRM Selangor, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek berkata, ada beberapa peniaga yang terpaksa membayar se-

wasan lain di seluruh negara dan bukan PBT di sini saja malah tindakan penguat kuasa berkenaan bukan saja mencemarkan nama baik PBT malah nama kerajaan.

"Oleh itu, saya menggesa supaya peniaga atau orang ramai tampil membuat laporan berkaitan salah laku membabitkan anggota dan pegawai di PBT kawasan masing-masing," katanya.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SELANGOR UNITED BUKAN NAUNGAN FAS
MUKA SURAT	70

# Selangor United bukan naungan FAS

H-Metro  
m/s-70

**Kuala Lumpur:** Selangor United tidak boleh dimasukkan dalam senarai 'feeder club' kepada Selangor berikutan pasukan itu bukannya ahli gabungan kepada Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) sebaliknya didaftarkan di bawah naungan Persatuan Bolasepak Melayu Malaysia (PBMM).

Presiden Selangor United, Firdaus Mohamed



berkata, pasukannya bukan 'tidak rela' menjadi feeder kelab gergasi Merah Kuning, namun perkara itu dilihat tidak mungkin berlaku apabila kelab itu bukannya di-naungi FAS.

Beliau berkata, setakat ini kelab gergasi yang bernaung di bawah FAS hanyalah PKNS FC, manakala Selangor United pula bersama PBMM.

"Saya sudah terangkan kepada pihak berkenaan termasuk Menteri Besar, Amirudin Shari sebenarnya Selangor United bukanlah ahli gabungan kepada FAS.

"Di atas kertas pun sememangnya perkara itu tidak boleh terjadi kerana kita ahli gabungan kepada PBMM," katanya, di sini.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PENGUATKUASA MBPJ DISYAKI TERLIBAT RASUAH DIARAH HENTI TUGAS LUAR
MUKA SURAT	35

## Penguatkuasa MBPJ disyaki terlibat rasuah diarah henti tugas luar

**PETALING JAYA** - Beberapa orang anggota penguat kuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang disyaki terlibat dalam kes meminta suapan di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu telah diarah berhenti menjalankan tugas di luar pejabat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han berkata, siasatan dalaman juga sedang dijalankan terhadap anggota penguat kuasa terbabit.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan pengendali perniagaan di sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya yang membuat laporan mendakwa ada pegawai penguat kuasa meminta rasuah sebagai

dorongan untuk tidak menge luarkan saman terhadap mereka.

Laporan itu dibuat di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor semalam oleh salah seorang pengendali perniagaan yang mewakili tiga orang peniaga lain.

Menurutnya, beliau sudah mengarahkan MBPJ memberi kerjasama sepenuhnya kepada SPM.

"Kerajaan Negeri Selangor tidak berkompromi terhadap sebarang kelakuan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di pentadbiran negeri ini .

"Kami mengalu-alukan SPM untuk menyiasat dan MBPJ sudah diarah untuk memberi kerjasama," katanya

**SINAR - M/S - 35**



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BERI MAKLUMAT DAPAT RM100
MUKA SURAT	35

# Beri maklumat dapat RM100

**MDKL beri ganjaran jika salur maklumat aktiviti sampah haram**

SINAR  
NUR FARHANA MB-35  
ABDUL MANAN

BANTING

**M**ajlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menawarkan ganjaran RM100 kepada pemberi maklumat aktiviti pembuangan sampah haram di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, ia salah satu inisiatif pihaknya bagi mengenkang kegiatan pembuangan

an sampah haram di daerah itu.

Menurutnya, ganjaran akan diberi apabila pelaku kesalahan yang membuang sampah secara haram membayar kompaun dike-nakan terhadap mereka.

Pemberian ganjaran itu katanya, terbuka kepada semua warganegara namun hanya bagi kesalahan pembuangan sampah melibatkan kenderaan berat bermuatan lebih satu tan.

"Pemberi maklumat perlu kepikan gambar, nyatakan lokasi, nombor pendaftaran kenderaan, tarikh dan masa kejadian pembuangan sampah haram berlaku sebagai bukti.

"Maklumat disampaikan kepada MDKL ini menggunakan asas aduan yang pertama diterima (*first-come basis*) dengan mengambil kira maklumat yang lengkap, tepat dan



MDKL menawarkan ganjaran wang tunai RM100 kepada pemberi maklumat mengenai aktiviti pembuangan sampah haram di daerah Kuala Langat.

sahih.

"Selain tawaran tersebut, pemberi maklumat perlu mengisi borang dise-diakan di Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pember-

sihan Awam MDKL serta bersetuju menjadi saksi di

mahkamah jika kes berke-naan dibawa ke peringkat perbicaraan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Mohamad Zain berkata, kesedaran orang ramai masih di tahap

yang rendah apabila terda-pat sampah haram dibuang merata-rata sekali gus menjelaskan pemandangan dan kebersihan serta mutu alam sekitar di daerah Kuala Langat.

Katanya, ia memberi

kesan negatif kepada kawa-san pelancongan, pening-katan aduan kakau ganggu dan risiko penyakit bawaan vektor seperti 'leptospirosis', 'typhoid' dan 'cholera' akibat dihirung lipas, lalat dan juga tikus.

Menurutnya lagi, men-taliti serta sikap tidak ber-tanggungjawab itu mendu-kacitakan banyak pihak dalam usaha untuk me-mastikat penduduk mew-nikmati kehidupan bersih serta terhindar daripada pencemaran alam sekitar.

"MDKL akan menerus-kan segala tenaga dan usa-ha yang ada bagi menang-kap serta mendakwa mereka yang membuang sampah haram.

"Hanya dengan tindakan tanpa kompromi ini diharap dapat membebas-kan daerah ini daripada masalah sampah haram," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	AKTIVITI SUKAN HINDAR REMAJA KETAGIH GAJET
MUKA SURAT	23

## Aktiviti sukan hindar remaja ketagih gajet

**KLANG** – Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyokong usaha pelbagai pihak termasuk Kumpulan Mitraland dalam menganjurkan aktiviti sukan melibatkan komuniti setempat.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasin Bidin berkata, bagaimanapun pihak pengangur perlu menitikberatkan soal keselamatan peserta bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

“Kita berterima kasih kepada Mitraland kerana menyediakan segala kelengkapan dan kemudahan kepada pengunjung untuk beriadah serta bersukan di tasik ini.

“Saya percaya pada masa akan datang Mitraland sudah merancang dan merangka pelbagai aktiviti serta program pembangunan sosial demi kebaikan masyarakat setempat di daerah ini,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Gravit8 Streetball 3 On 3 Challenge, di Taman Rekreasi Gravit8 di sini kelmarin.

Hadir sama, Ahli Parlimen Klang, Charles Santi-



Mohamad Yasin (tiga dari kanan) dan Charles (empat dari kanan) menghadiri perasmian Gravit8 Streetball 3 On 3 Challenge kelmarin.

SINAR - MS-23

ago; Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Adi Faizal Ahmad Tarmizi dan Timbalan Pejabat Eksekutif Kumpulan Mitraland, Chuah Theong Yee.

Mohamad Yasin berkata, penganguran kejohanan itu dapat menggalakkan golongan belia terutamanya terlibat dalam aktiviti sihat.

“Hari ini kita lihat gajet memainkan peranan penting kepada anak kita termasuk acara sukan. Jadi program ini penting kerana mereka sendiri dapat mera-

sai sukan secara fizikal ma-lah membentuk generasi akan datang yang sihat.

“Saya harap program ini turut diteruskan di tempat lain pada masa depan dan ada pihak lain sanggup menyahut cabaran mengada-kan program sebegini kera-na MPK sentiasa sokong dan akan bantu apa yang perlu,” katanya.

Sementara itu, Charles berkata, program itu mam-pu membawa golongan muda keluar daripada kehi-dupan yang terlalu bergan-tung pada gajet.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	GRAVIT8 JADI LOKASI AKTIVITI SIHAT
MUKA SURAT	23

## Gravit8 jadi lokasi aktiviti sihat

SINAR - M/S - 23

**KLANG** – Seramai 600 peserta menyertai Kejohanan Gravit8 Streetball 3 on 3 Challenge 2019 anjuran Kumpulan Mitraland yang julung kali diadakan di sini kelmarin.

Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Mitraland, Chuah Theong Yee berkata, program itu dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Kelab Bola Keranjang Klang itu sebagai usaha membangunkan gaya hidup sihat dalam kalangan peminat sukan terutamanya belia.

Menurutnya, sukan antara elemen penting dalam menyatu padu masyarakat berbilang bangsa, agama dan lapisan umur sekali gus membentuk kerjasama dan semangat kesukanan.

“Kami sangat berbangga menjadi penaja lokasi dan pengajur bersama untuk acara ini. Sukan adalah kuasa membangunkan kemahiran hidup selain menyatukan masyarakat.

“Melalui pertandingan ini, kami berharap dapat menggalakkan lebih ramai belia menjadi aktif dan masyarakat dapat menikmati kein-

dahan serta kemudahan ‘Lakepark,’ katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Gravit8 Streetball 3 On 3 Challenge di Taman Rekreasi Gravit8 di sini kelmarin.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin; Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Theong Yee berkata, pihaknya akan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk aktiviti yang membabitkan masyarakat.

“Lokasi ini sangat bagus untuk kita berkumpul. Setiap tahun kami mengadakan pelbagai aktiviti termasuk larian amal yang disertai 3,000 orang,” katanya.



Peserta Kejohanan Gravit8 Streetball 3 on 3 Challenge 2019 berkumpul di Taman Rekreasi Gravit8 sebelum perlawanan.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	BERSIHKAN PANTAI MORIB SABTU INI
MUKA SURAT	24

## Bersihkan Pantai Morib Sabtu ini

SINAR-M/S-24

**KUALA LANGAT** - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) akan menganjurkan Program Pembersihan Pantai Morib, Sabtu ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, Program Pembersihan Pantai Negeri Selangor Peringkat Daerah Kuala Langat itu bermula dengan dengan pendaftaran dan sarapan pada jam 7.30 pagi sebelum diteruskan dengan aktiviti zumba.

Menurutnya, program dijangka

akan disempurnakan Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah

Turut dijangka hadir pada program tersebut, Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Elwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian.

"Tarian 'Save The Ocean' turut akan dipersembahkan kepada tetamu yang hadir oleh murid Sekolah Kebangsaan Sri Langat," katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	ADUN NADI BERI PERSETUJUAN TERUSKAN CAJ PARKIR
MUKA SURAT	24

ai

## ADUN nafi beri persetujuan teruskan caj parkir

SINAR - MIS-24

**KUALA SELANGOR –** Tiada persetujuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati untuk penetapan caj parkir yang dikuat kuasa pada 1 September ini.

Juwairiya Zulkifli menegaskan, kenyataan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tidak tepat dan boleh menyebabkan salah faham.

“Ingin saya tegaskan, saya bersama wakil Ahli Parlimen Kuala Selangor hadir berunding dengan Yang Dipertua MDKS 10 Jun lalu.

“Rundingan itu dibuat

selepas kenyataan bantahan saya dikeluarkan pada 8 Jun lalu,” katanya.

Dalam rundingan itu katanya, pihaknya meminta caj parkir ditangguhkan dan kadar dikurangkan.

“Masa pelaksanaan juga diminta ditukar kepada 8 pagi sehingga 5 petang sahaja seperti mana yang dilaksanakan PBT lain.

“Oleh itu, saya amat terkilan kerana pandangan ADUN dan wakil Ahli Parlimen tidak diambil kira.

“Saya berharap pihak MDKS akan membuktikan prestasi kerja yang lebih baik dalam menyediakan

kemudahan dan perkhidmatan kepada rakyat,” katanya.

Terdahulu, MDKS membuat kenyataan sebelum ini bahawa pelaksanaan caj parkir akan dilaksanakan pada 1 Julai ini ditunda kepada 1 September nanti.

Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat menjelaskan, ketetapan itu dibuat hasil perbincangan bersama pemimpin setempat dan syarikat konsesi.

“Ketetapan lain, hanya kenderaan ada pelekat OKU tidak dikenakan bayaran,” katanya.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TAK SAMPAI SEMINGGU BANJIR LAGI
MUKA SURAT	24

# Tak sampai seminggu banjir lagi

Sebanyak 28 keluarga terpaksa dipindahkan semalam

ARZIANA MOHAMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Tidak sampai seminggu, sebanyak 28 keluarga sekali lagi dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan MDKS Desa Coalfields selepas rumah mereka dinaikei air Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abd Raji berkata, air yang melimpah dari sungai berhampiran

menjejaskan seramai 100 mangsa.

"Kami menerima laporan pada jam 10 pagi pada Sabtu lalu apabila seramai 28 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara selepas tiga kampung dinaiki air buat kali kedua.

"Tiga kampung terjejas ialah Kampung Sri Aman, Sri Sentosa dan Merbau Indah," katanya yang membuat tinjauan bersama Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad petang kelmarin.

Beliau berkata, bantuan barang bencana asas disampaikan kepada mangsa dan mangsa banjir dibenarkan pulang selepas air dilaporkan surut.

"Tinjauan mendapati, paras air di kampung terbabit mulai surut dan hanya satu keluarga masih berada di dewan.



Mohd Faizal (dua dari kiri) dan Dzulkefly Ahmad (kiri) mendengar penerangan Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kuala Selangor, Kapten (PA) Shaiful Azril Zainal ketika tinjauan petang kelmarin.

"Namun hari ini (kelmarin) cuaca dilaporkan cerah dan kesemua mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing manakala pusat pemindahan sementara ditutup pada jam 9.30

pagi tadi," katanya.

Mohd Faizal yang juga Pegawai Daerah Kuala Selangor berkata, penempatan yang terletak di kawasan rendah dan berhampiran sungai ber-

siko berdepan banjir.

"Setakat ini, cuaca dilaporkan tidak menentu dan dalam tempoh tidak sampai seminggu kawasan limbang Sungai Buloh telah dilimpahi air selepas hujan

info

Tiga kampung terjejas ialah Kampung Sri Aman, Sri Sentosa dan Merbau Indah

SINAR - M/S-24

lebat melanda.

"Agensi kerajaan diarah bersiap sedia berdepan sebarang kemungkinan terutamanya di kawasan berisiko banjir," katanya.

Terdahulu, musibah sama turut melanda tiga kampung terbabit apabila seramai 25 keluarga melibatkan 86 mangsa dipindahkan pada 11 Jun lalu selepas rumah mereka dinaikei air.

Kesemua mangsa terlibat ditempatkan di pusat pemindahan sementara itu selama tiga hari sebelum dibenarkan pulang.